

TARIKH	KHAMIS, 1 DISEMBER 2022
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	MALAYSIA MEMERLUKAN KERAJAAN PERPADUAN BERSIFAT NEGARAWAN
M/S	13
BIDANG	MANAGEMENT
KATA KUNCI	MANAGEMENT

BI Khamis, 1 Disember 2022

MindaPembaca 13

Malaysia memerlukan Kerajaan Perpaduan bersifat negarawan

Ahmad Fauzi Mustafa,
Penulis ialah Bekas Setiausaha Kaukus Kesejahteraan Rakyat Dewan Negara

Langkah masuk Perdana Menteri Ke-10, Datuk Seri Anwar Ibrahim ke Pejabat Perdana Menteri di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, Jumaat lalu jelas memaparkan jati diri Nusantaraannya.

Segak dengan baju Melayu dan bercapal, kita juga melihat rakyat turut menaruh harapan Malaysia memerlukan Kerajaan Perpaduan bersifat negarawan.

Apa yang ada di dalam sifat negarawan itu? Mengikut Kamus Dewan, negarawan ini adalah kelompok orang yang mahir benar dengan tampuk pemerintahan negara, seorang yang ulung, dihormati serta mempunyai kebijaksanaan dan kejujuran unggul.

Persoalan yang besar sekarang ialah di mana hala tuju Malaysia dalam kepelbagaian dasar dan polisi bagi mengembalikan semula kegemilangan negara ini terutama menangani soal kesejahteraan rakyat serta kemakmuran ekonomi?

Malah, ekonomi negara dilihat semakin terdesak akibat ketidaktentuan dan ketidakstabilan politik empat tahun lalu, apatah lagi diratah dengan ujian tsunami COVID-19 global yang memberi kesan sangat mendalam kepada masyarakat.

Justeru Perdana Menteri Ke-10 sudah pastinya memikirkan barisan Kabinet baharu yang mempunyai ciri negarawan itu. Siddiq, amanah, tabligh dan fatanah adalah empat teras utama yang perlu ada di dalam barisan Kabinet bersifat negarawan ini.

Harus diterjemahkan! Maka rakyat pastinya

Membangun negara madani

Pernah dulu seketika, Anwar sinonim dengan laungan membangun negara madani dan diulangkan semula laungan itu pada awal November 2022 lalu sewaktu pelancaran buku Membangun Negara Madani di ibu kota Kuala Lumpur.

Pada waktu itu, Anwar menahirkan soal membangun negara madani perlu dilihat juga soal dasar, isu kemampunan ekonomi dan ihsan.

“

Kebijaksanaan negarawan hendaklah diangkat demi kepentingan rakyat secara holistik dan tidak didorongkan soal kepentingan diri sendiri dan kelompok tertentu”

”

Semua ini perlukan sifat penyayang warganya, selain mempertahankan nilai akhlak yang menjadi teras dalam fahaman Islam dan didukung agama lain.

Sifat awalan Kerajaan Perpaduan bersifat negarawan ini mula terlihat menerusi janji Perdana Menteri baharu iaitu mempertahankan dan mengangkat bahasa Melayu, agama Islam, keistimewaan orang Melayu/Bumiputera serta kedudukan Raja-Raja Melayu.

Soal isu kos sara hidup, khususnya berkaitan harga barangan yang semakin menekan kehidupan rakyat diletakkan sebagai agenda utama Kerajaan Perpaduan, selain menjaga hak semua ahli masyarakat termasuk golongan terpinggir tidak mengira bangsa dan agama.

Barisan Kabinet bersifat negarawan yang terpilih kelak perlu bersiap siaga yang bukan sekadar menonjolkan Kerajaan Perpaduan itu semata-mata tetapi perlu menitikberatkan hal ehwal kehidupan harian sebagai tunjang membina tamadun masyarakat madani Malaysia yang unggul.

Seorang negarawan akan lebih meletakkan profesionalisme dan moral sebagai syarat utama. Kebijaksanaannya hendaklah diangkat demi kepentingan rakyat secara holistik dan tidak didorongkan dengan soal kepentingan diri sendiri dan kelompok tertentu.

Katakan tidak kepada janji bulan dan bintang. Sebaliknya janji kepada rakyat itu sebagai satu amanah seorang pemimpin bersifat negarawan yang seharusnya membawa kepada kesejahteraan, keadilan dan kedamaian bagi rakyat Malaysia.

DISEDIAKAN OLEH	NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM UNIT PERPUSTAKAAN, BPM
-----------------	---